Pada awal penubuhan kawasan rancangan FELDA, telah ditetapkan beberapa pelan penubuhan dan pelan pembangunan bagi setiap kawasan yang dibangunkan. FRA juga tidak terlepas dalam rencana kerajaan untuk dinaiktarafkan status peneroka-peneroka yang mendiami kawasan FRA. Oleh yang sedemikian, beberapa aspek yang





penting diambil kira bagi memastikan kajian ini dapat memberikan penerangan lanjut mengenai ekonomi masyarakat FELDA terutamanya G2F.

1.2.5 Rancangan FELDA Raja Alias.

Penubuhan FELDA adalah untuk membuka atau membangunkan tanah baru, menempatkan semula masyarakat luar bandar dan menyediakan kemudahan-kemudahan yang diperlukan, peneroka yang diterima masuk ke tanah rancangan disediakan dengan sebuah rumah yang selesa untuk diduduki, sebidang tanah dalam lingkungan suku ekar tanah di bahagian belakang rumah untuk ditanam buah-buahan, sayur-sayuran atau ternakan dan seluas lapan hingga sepuluh ekar tanah pertanian



sawit dan getah sebagai tanaman utama di kawasan pertanian yang diusahakan. Peneroka dijangka akan mendapat hak milik tanah tersebut selepas 15 tahun diusahakan Mehmet (1987).

Bagi latar belakang FELDA Raja Alias (FRA) pula, mengikut buku maklumat asas FELDA Raja Alias pada tahun 2014, nama asal bagi FRA adalah FELDA Serting. Kawasan rancangan ini terletak dalam daerah Jempol iaitu lebih kurang 31 kilometer ke timur laut pekan Bahau. FELDA ini berada dalam kawasan Parlimen Jempol dan kawasan Dewan Undangan Negeri Jempol. Pada peringkat awal, seramai 305 keluarga peneroka telah ditempatkan di rancangan ini mulai bulan Oktober 1986. Daripada jumlah ini, seramai 262 keluarga ditempatkan di FRA3 (seperti dalam peta





1.4) dan lebih kurang 80 peratus peneroka adalah berasal daripada Negeri Sembilan dan bakinya adalah daripada negeri-negeri lain.

1.2.6 Generasi kedua FELDA (G2F).

Generasi kedua FELDA (G2F) pula ialah golongan anak peneroka FELDA yang masih di bawah jagaan peneroka, mereka yang masih belajar, golongan yang bekerja, golongan yang masih tinggal di FELDA dan golongan yang telah bermigrasi ke kawasan luar rancangan FELDA. Dengan kata lain, selagi ibu bapa bergelar peneroka FELDA maka anak-anak mereka merupakan G2F. Bagi kawasan-kawasan awal petempatan FELDA iaitu dari tahun 1956-1970 menunjukkan G2F telah mendominasi



kawasan petempatan kerana telah ramai ibu bapa yang sudah meninggal dunia seperti di FELDA Lurah Bilut, FELDA Sungai Lui, dan FELDA Bukit Rokan. Bagi kawasan-kawasan yang ditubuhkan selepas tahun 1970 menunjukkan G2F berada dalam lingkungan umur 30 tahun hingga 50 tahun, Khamis (2003)

1.2.7 Perkembangan ekonomi FELDA.

Latar belakang bagi ekonomi masyarakat FELDA pula boleh dikategorikan kepada tiga bahagian. Setiap bahagian ini merupakan tahap bagi setiap yang berlaku di rancangan FELDA. Perubahan-perubahan ini merupakan mekanisme yang terjadi di keseluruhan FELDA dan maklumat setiap yang berlaku ini diubahsuai mengikut bahan bacaan, pemerhatian dan soal selidik yang dijalankan terhadap G2F dan





peneroka. Oleh itu, tiga tahap ini disusun bagi menjelaskan tahap perkembangan ekonomi FELDA.

i). Pertanian.

Pada peringkat awal penuhan, FELDA memperkenalkan pertanian sebagai pendapatan utama kepada peneroka. Tanaman sawit dan getah telah menjadi pilihan utama kerana komoditi tersebut mendapat sambutan di pasaran utama. Harga pasaran hasil komoditi ini yang tinggi menjadikan FELDA semakin berkembang dan aktif dalam membuka rancangan-rancangan yang baharu sehingga mampu menjadi syarikat perladangan yang terbesar di dunia pada tahun 1981 dengan peruntukan



ini juga bersifat serampang dua mata kerana dapat menempatkan masyarakat luar bandar dalam sebuah kawasan yang terancang dan meningkatkan pendapatan ekonomi negara.

Permintaan dan keperluan yang tinggi terhadap komoditi pertanian menyebabkan FELDA semakin mendapat tempat dan perhatian dalam dasar pembangunan kerajaan. Pelbagai bantuan dan transformasi disarankan oleh kerajaan kepada penduduk rancangan FELDA. Oleh yang sedemikian, pertanian jenis baru mula dilaksanakan dalam kalangan peneroka FELDA contohnya tanaman tebu di FELDA Chuping, Perlis dan tanaman padi di FELDA Aring, Terengganu. Selain itu, FELDA juga mula memperkenalkan penternakan kepada peneroka dengan beberapa jenis ternakan komersial yang berpotensi tinggi iaitu lembu, kambing dan ayam.





Sehubungan dengan itu, FELDA memberi bantuan dengan membekalkan benih ternakan kepada peneroka yang memohon dan layak mengikut syarat-syarat yang ditetapkan. Oleh yang sedemikian, pendapatan ekonomi dalam kalangan peneroka mula berkembang kerana tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada pertanian sahaja.

ii). Pelancongan dan perkhidmatan.

Perkembangan ekonomi dari semasa ke semasa membawa FELDA semakin memacu ke arah kemajuan. Program-program yang dirancang oleh FELDA semakin ke arah negara maju dengan berkonsepkan in-situ iaitu memajukan sesuatu kawasan berdasarkan kepada kelebihan yang didapati di kawasan tersebut. Kelebihan-



memaksimumkan pendapatan peneroka FELDA. Kawasan-kawasan yang mempunyai nilai komersial dalam pelancongan mula dimajukan oleh FELDA seperti FELDA Kelah di Perak yang mempunyai daya tarikan air terjun dan air panas, FELDA Selasih dan Takir di Terengganu yang mempunyai daya tarikan kawasan laut dan FELDA Selancar di Pahang yang menjadi pusat pembiakan ikan.

Kepelbagaiannya dalam inovasi pembangunan terus menjadi medium utama kepada FELDA untuk mempertingkatkan dan memperkuatkan pendapatan. Sehubungan dengan itu, FELDA mula mengorak langkah kepada aktiviti pelancongan komersial seperti mewujudkan FELDA Residence di beberapa tempat seperti di Kuala Terengganu, Port Dickson, dan Trolak serta membina Dewan Perdana FELDA yang bertaraf lima bintang di Kuala Lumpur. Keputusan perkembangan FELDA ini





membuka episod baru dalam perkembangan dan kemajuan ekonomi komersial FELDA.

Tidak ketinggalan juga, FELDA mula menawarkan perkhidmatan-perkhidmatan yang bercorak kolar putih kepada masyarakat khususnya kepada masyarakat generasi kedua FELDA (G2F) itu sendiri. Dengan mudah kata, FELDA mula menawarkan pekerjaan-pekerjaan yang tidak lagi bergantung kepada pertanian sepenuhnya. Antaranya perkhidmatan pekerjaan dalam sektor pentadbiran FELDA, mewujudkan yayasan pendidikan FELDA dan menggalakkan peneroka-peneroka FELDA terlibat dalam sektor perkhidmatan pelancongan seperti terlibat dalam industri inap desa yang bercirikan kampung. Perubahan paradigma ini membuka lembaran baru kepada penduduk FELDA khususnya G2F dalam menongkah arus



iii). Pelaburan dan perdagangan.

Perubahan corak pembangunan FELDA terus menongkah arus dengan mula mencebur dalam dunia pelaburan dan perdagangan. Antara cabang perdagangan yang dibuka oleh FELDA ialah Techno plant, FELDA Global Venture Holding (FGVH) dan FELDA Investment Corporation (FIC). Kesemua ini adalah anak-anak syarikat yang bernaung di bawah FELDA dan berfungsi untuk menguruskan sektor-sektor khas dalam pentadbiran. Techno plant bertindak sebagai agen yang mengurus bahagian hal ehwal perladangan, FGVH pula bertindak sebagai agen yang memasarkan produk-produk yang dikeluarkan oleh FELDA seperti memasarkan





minyak kelapa sawit ke peringkat yang lebih tinggi di samping terlibat dengan bursa saham Malaysia. Manakala FIC pula bertindak dalam mencari sumber-sumber yang boleh membawa keuntungan kepada FELDA di samping membantu FGVH dalam bursa saham Malaysia, Shukri (1992).

Tingkat-tingkat perubahan ini membawa FELDA semakin dikenali oleh dunia dari masa ke masa dan telah membuka lembaran baru kepada penduduk FELDA. Oleh yang sedemikian, perubahan-perubahan ini hendaklah disebarluaskan kepada seluruh masyarakat FELDA agar dapat seiring dengan hasrat kerajaan untuk menubuhkan wilayah-wilayah yang maju bagi jaringan luar bandar. Perkara ini juga sudah semestinya didambakan oleh seluruh penduduk FELDA untuk melihat kemajuan di tempat tinggal mereka.



1.3 Permasalahan Kajian.

Dalam perkembangan FRA terdapat tiga perkara yang difokuskan dalam permasalahan kajian. Isu yang utama dihadapi oleh G2F ialah masalah kemudahan sosial yang masih kurang dan ekonomi yang berbentuk perdagangan amat terhad di FRA. Kawasan yang boleh mendatangkan pendapatan bagi golongan pendidikan rendah adalah terhad di FRA. Pembangunan infrastruktur bangunan kerajaan yang tumbuh dengan pesat di FRA tidak membangun seiring dengan pusat perindustrian di FRA. Hal ini menyebabkan, G2F yang masih tinggal di FRA hanya memperoleh pendapatan rendah kerana mereka tidak mempunyai keupayaan pendidikan untuk bersaing menjawat jawatan dalam sektor awam.





Jika di kawasan FRA dibangunkan kawasan perindustrian, G2F yang tidak mempunyai taraf pendidikan yang tinggi masih boleh bersaing untuk bekerja di bidang sektor swasta yang boleh memberikan pendapatan yang maksimum dengan taraf pendidikan yang dimiliki oleh mereka. Hal ini jelas kerana sektor swasta seperti perkilangan boleh memberikan pendapatan yang lumayan berdasarkan keupayaan dan pengalaman seperti tambahan masa bekerja dan jenis pekerjaan yang boleh dijalankan. Oleh itu, bagi meningkatkan pendapatan G2F di FRA, permasalahan ini merupakan isu yang perlu diselidik dengan lebih lanjut.

Selain daripada itu, penduduk FRA terpaksa pergi ke kawasan pusat tumpuan masyarakat yang jaraknya jauh dari penempatan dan mengambil masa yang lama untuk sampai ke kawasan destinasi bagi mendapatkan kemudahan-kemudahan sosial

terutamanya perbankan. Selain itu, penduduk FRA juga pergi ke kawasan bandar berdekatan untuk mendapatkan kemudahan yang berkepentingan seperti klinik, farmasi, tabung haji dan pusat membaiki kenderaan serta ada yang ke kawasan tersebut untuk mendapatkan barang keperluan makanan. Kos perbelanjaan penduduk FELDA meningkat kerana perlu menampung kos pengangkutan seterusnya mengganggu kos perbelanjaan lain seperti kos persekolahan anak-anak. Oleh yang sedemikian, permasalahan kemudahan sosial yang berkepentingan kepada penduduk FELDA masa kini merupakan perkara yang harus disenaraikan sebagai permasalahan kajian agar tindakan susulan dapat diketengahkan.

Fokus permasalahan yang kedua dalam kajian ini ialah program dan strategi pembangunan yang tidak berkesan dalam membawa kemajuan di desa. Isu ini adalah berkaitan dengan faktor yang menyebabkan proses kemajuan yang begitu perlahan





dalam kalangan penduduk FELDA terutamanya G2F. Kebanyakan program yang dirancang lebih ke arah kerohanian dalam membentuk akhlak kerana G2F begitu banyak terlibat dengan masalah sosial. Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat golongan G2F yang terlibat dengan masalah penagihan dadah, rempit, curi dan masalah sosial yang lain. Oleh sebab itu, dasar yang diketengahkan oleh pihak FELDA untuk G2F lebih cenderung kepada menyelesaikan masalah sosial berbanding menyediakan medium ekonomi kepada G2F.

Kesan daripada permasalahan ini, kekurangan bantuan dalam bidang ekonomi telah melemahkan lonjakan paradigma G2F dalam membina kerjaya mereka sendiri untuk menempuh arus global. Oleh yang sedemikian, program-program yang dirancang hendaklah berjalan seiring dari aspek kerohanian dan ekonomi agar boleh



melonjakkan ekonomi G2F untuk mengelakkan kecinciran generasi kedua dalam terlibat sama dengan hasrat kerajaan untuk menjadi negara maju. Sejajar dengan itu, medium yang lebih efektif hendaklah diberikan kepada G2F untuk membangunkan ekonomi mereka seperti menyediakan tapak dan modal perniagaan, tanah untuk pertanian dan kemahiran-kemahiran yang menggunakan teknologi tinggi. Setelah G2F didedahkan dengan medium-medium yang boleh mendatangkan pendapatan yang lumayan maka dapatlah G2F meneruskan survival ekonomi.

Selain daripada itu, perkara yang masih berkisar kepada isu program dan strategi pembangunan yang kurang efektif dalam membawa kemajuan kepada G2F ialah implementasi dasar FELDA yang dilaksanakan untuk membawa perkembangan ekonomi dalam masyarakat FELDA. Banyak dasar yang dirangka dalam membawa kemajuan, namun masih berlaku kepincangan dalam perlaksanaannya seperti





pemberian dana modal kepada G2F untuk bermiaga dan pemberian haiwan ternakan. Dasar yang dikemukakan ini adalah strategi yang baik namun telah di manipulasi oleh sebilangan G2F untuk kepentingan tertentu.

Oleh yang sedemikian, setiap strategi yang hendak dijalankan perlulah mempunyai nilai yang ditambah baik kerana dari soal selidik terhadap pihak pengurusan FELDA menyatakan bahawa terdapat G2F yang menjual haiwan-haiwan yang dibekalkan oleh pihak pengurusan FELDA walaupun masih belum tempoh matang kerana hanya memikirkan keuntungan segera. Oleh yang sedemikian, penambahbaikan dalam melaksanakan dasar untuk meningkatkan ekonomi G2F perlulah diperincikan agar mengelakkan situasi yang sama berlaku kembali.



keberhasilan dan pencapaian G2F dalam program pembangunan ekonomi yang masih minimum. Terdapat G2F di FRA masih mengikut tradisi peneroka yang menjalankan ekonomi pertanian dengan menjalankan aktiviti menoreh getah, memotong buah kelapa sawit dan kerja-kerja ladang. Permasalahan ini menjadi lebih rumit lagi kepada G2F kerana pendapatan yang diperoleh daripada ladang ibu bapa mereka hendaklah dikongsi bersama ahli keluarga yang lain. Bagi G2F yang sudah mempunyai anak dan isteri lebih merasakan tekanan kerana pendapatan yang diperoleh sudah pasti tidak mencukupi.

Tambahan lagi, taraf pendidikan yang rendah menyebabkan G2F di FRA mengalami masalah dalam mendapatkan pendapatan yang lumayan walaupun pembangunan infrastruktur sektor awan pesat dibangunkan di FRA. Oleh sebab taraf





pendidikan yang diperoleh tidak seiring dengan kelayakan jawatan yang ditawarkan maka hal ini menyebabkan G2F tidak mampu bersaing untuk mendapatkan pekerjaan. Melalui pemerhatian yang dijalankan, walaupun ramai G2F di FRA yang terlibat dengan ekonomi makan gaji namun, jika mereka menjawat di sektor awam mereka hanya menjawat jawatan yang rendah dan sekiranya di sektor swasta terdiri daripada buruh bawahan. Oleh sebab pendapatan yang diperoleh tidak mencukupi maka terdapat dalam kalangan G2F ini yang menjalankan pertanian warisan berskala kecil.

Oleh yang sedemikian, melalui permasalahan ini, objektif kajian dibentuk mengikut isu yang telah dibincangkan. Permasalahan ini juga merupakan hasil daripada kajian-kajian lepas yang masih menjadi persoalan dan perlu dikaji selanjutnya oleh kajian terkini. Sehubungan dengan itu, permasalahan ini akan



1.4 Objektif Kajian.

Kajian ini bermatlamat untuk meneliti perkembangan ekonomi semasa dalam kalangan G2F. Secara khusus objektif kajian ini adalah seperti yang berikut:

- i). Menentukan tahap dan bentuk penglibatan G2F dalam bidang sosioekonomi setempat.
- ii). Menganalisis faktor-faktor penglibatan G2F dalam membangunkan sosioekonomi setempat.
- iii). Mengenal pasti strategi-strategi dalam pemantapan status sosioekonomi G2F.





1.5 Persoalan Kajian.

Persoalan yang dititik beratkan dalam kajian ini berkaitan dengan perkembangan dan status sosioekonomi dalam kalangan G2F. Persoalan-persoalan perlu diteliti seiring dengan perubahan masa ke semasa yang dilalui oleh penduduk FELDA adalah seperti berikut:

- i). Apakah tahap dan bentuk penglibatan G2F dalam bidang sosioekonomi setempat?
- ii). Apakah faktor-faktor penglibatan G2F dalam membangunkan sosioekonomi setempat?
- iii). Apakah strategi-strategi terbaik dalam pemantapan status sosioekonomi G2F?



1.6 Konsep dan Teori.

Bagi membincangkan perkembangan sosioekonomi G2F, pelbagai aspek perlu dititik beratkan terutamanya perkara yang berkaitan dengan ekonomi. Secara khususnya, kajian ini menggunakan pendekatan Teori Perubahan Sosial yang dimasyhurkan oleh Talcott Parson (1950) dan merupakan seorang pendukung teori yang berasal dari Amerika. Beliau menyatakan bahawa perubahan sosial sesuatu kaum berubah disebabkan oleh penarikan urbanisasi yang dilihat lebih tersusun dan efektif secara evolusi serta migrasi yang berlaku dari luar bandar ke bandar Talcott Parson (1950). Melalui teori ini, setiap kelompok masyarakat yang keluar dari lingkungan kawasan





asal mereka mengalami perubahan sosial. Tambahan lagi, perubahan sosial ini dipengaruhi oleh faktor luar dari lingkungan kawasan semasa yang mereka duduki.

Seterusnya, proses urbanisasi ini membentuk sebuah masyarakat yang mengamalkan cara hidup yang baru dan hanya segelintir sahaja yang mengamalkan cara hidup asal mereka serta situasi ini dipanggil penyesuaian sementara. Namun, Talcott Parson (1950) menyatakan bahawa komuniti ini mengalami perubahan sosial sekiranya mereka tinggal di kawasan bandar kerana pendorong kepada perubahan sentiasa wujud di mana-mana sahaja. Sejajar dengan penyataan itu, beliau menekankan dua perkara utama iaitu campuran unsur yang separuh berintegrasi membayangkan gambaran tepat mengenai sifat perubahan sosial keseluruhan komuniti.




Seterusnya membincangkan dua perkara utama iaitu pertembungan dan percampuran sepenuhnya sosial dengan sosial yang lain dan percampuran separuh yang berskala tertentu berintegrasi mengikut kadar jumlah yang berlainan. Tambahan lagi peringkat perkembangan dan perubahan sekarang boleh difahami daripada budaya induk. Oleh yang sedemikian, pendekatan Teori Perubahan Sosial, Talcott Parson (1950) dijadikan sebagai kerangka utama kajian. Dengan harapan, kesemua aspek di atas dijawab dan perkembangan sosioekonomi G2F dikenal pasti.



1.6.1 Aplikasi teori.

Bagi membincangkan perkembangan sosioekonomi G2F di FRA, satu kerangka teori telah diwujudkan bagi memudahkan teori ini diterangkan. Oleh sebab kawasan FRA telah dibangunkan infrastruktur pejabat kerajaan maka perubahan sosial telah berlaku terhadap G2F di FRA. Didapati perubahan sosial dalam golongan G2F di FRA dapat diperhatikan menerusi sosial, ekonomi, komunikasi, infrastruktur, kekeluargaan, pendidikan, perubatan dan perdagangan. Gambar rajah di bawah menunjukkan aliran perubahan sosial G2F di FRA.

Rajah 1.5 : Pengaplikasian Teori Perubahan Sosial.



(Dipetik dan diubahsuai daripada Talcott Parson, 1950)

Proses perkembangan sosioekonomi dan perubahan sosial melalui tiga perkara utama iaitu penghijrahan dari luar bandar ke bandar. Pertukaran pola kegiatan ekonomi daripada bercorak sara diri atau pertanian kepada corak perdagangan atau industrialisasi. Seterusnya, perubahan sikap nilai dan cara hidup yang bersifat



bandaran, Samsudin (2000). Jelaslah di sini bahawa, telah berlaku perubahan sosial di FRA kerana telah berlaku perubahan infrastruktur bangunan di FRA iaitu daripada sebuah kawasan pertanian secara keseluruhan kepada pembangunan kerajaan sebahagiannya.

1.7 Kepentingan Kajian.

Kajian ini mempunyai beberapa kepentingan iaitu menganalisis proses perkembangan sosioekonomi yang berlaku dalam kalangan G2F. Kajian ini menilai tahap dan bentuk penglibatan penduduk G2F dalam bidang sosioekonomi serta menganalisis faktor-faktor penglibatan G2F dalam membangunkan sosioekonomi setempat. Selain itu,



G2F agar kemajuan FELDA dapat dipertingkatkan.

Perkembangan dunia yang pesat pada zaman ini menyebabkan kemahuan kepada keperluan perdagangan yang lebih selesa menjadi matlamat setiap manusia. Oleh sebab itu, G2F juga tidak terlepas dalam terlibat mengharungi zaman ini. Ekoran daripada itu, perubahan untuk ke satu tahap yang lebih baik berlaku dalam kalangan G2F dan perkara ini menyebabkan perubahan secara langsung telah berlaku dalam sosioekonomi antara generasi pertama dengan G2F.

Seterusnya, kepentingan kajian ini ialah dapat mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan G2F tidak berjaya dalam membangunkan sosioekonomi mereka walaupun pelbagai bantuan telah disalurkan. Perkara ini dapat dilihat dengan





kebanyakan anak-anak muda FELDA keluar ke kawasan bandar untuk mencari rezeki yang lebih kukuh dalam membina sosioekonomi mereka. Namun, terdapat juga di antara mereka yang berhijrah tidak dapat menyesuaikan diri kerana kos hidup yang tinggi di bandar. Maka mereka yang tidak dapat melawan kos kehidupan yang tinggi di bandar terpaksa pulang ke kawasan rancangan FELDA untuk menjalankan semula ekonomi pertanian. Maka, kajian ini penting untuk melihat faktor-faktor yang melemahkan G2F dalam membina kehidupan yang lebih kondusif.

Kepentingan kajian ini juga untuk menentukan aras sosioekonomi sebenar dan terkini G2F akibat daripada semua aspek pembangunan yang wujud di kawasan sekitar seperti pendidikan, pekerjaan, perniagaan dan sebagainya. Aras pembangunan ini akan memberi petunjuk kepada pengurusan FELDA di peringkat pusat tentang



tahap kemajuan yang telah dicapai oleh G2F khususnya di kawasan Gugusan FRA ini. Selain itu, pengkaji juga ingin melihat keberhasilan bantuan yang diberikan oleh kerajaan terhadap G2F seperti bantuan kewangan, pendidikan, kemahiran dan lain-lain bantuan. Berdasarkan analisis kajian lepas, pengkaji mendapati ramai generasi kedua yang berjaya disebabkan bantuan oleh pihak kerajaan. Namun yang sedemikian, tidak kurangnya masalah sosial yang membelenggu G2F ini. Oleh yang sedemikian, aras sosioekonomi ini penting dalam menjelaskan perkembangan generasi kedua dalam mengharungi dunia yang serba moden.





1.8 Batasan Kajian.

Terdapat tiga batasan kajian yang utama dalam bidang kajian ini iaitu yang pertama kajian ini dijalankan untuk mengkaji bidang sosioekonomi dalam kalangan G2F. Bidang sosioekonomi ini cenderung kepada cara pemerolehan pendapatan, perbelanjaan, harta yang dimiliki dan tahap pendidikan. Kajian ini memberi tumpuan terhadap aktiviti dan kedudukan ekonomi G2F sama ada ada masih menjalankan ekonomi yang berteraskan pertanian seperti generasi pertama atau telah berkembang kepada pertanian yang lebih berskala besar atau berubah kepada makan gaji atau kedudukan ekonomi G2F semakin menguncup. Namun, bagi bidang lain, kajian ini tidak menyentuh secara mendalam dan oleh itu, kajian lanjutan adalah digalakkan untuk memperoleh maklumat tambahan.



Seterusnya, kajian ini hanya dijalankan sepenuhnya di FRA yang terletak di Negeri Sembilan. Walau pun FRA ini merupakan satu kawasan gugusan FELDA dan menunjukkan kehidupan FELDA namun maklumat di FRA bukanlah menunjukkan keseluruhan FELDA di Malaysia. Oleh itu, kajian lanjutan di kawasan-kawasan lain juga perlu dijalankan di samping membandingkan keputusan yang diperoleh di FRA. Tambahan lagi, batasan kajian ini ialah masa menjalankan kajian yang terhad kepada enam bulan sahaja tidak mencukupi menunjukkan keseluruhan kehidupan di FRA. Kajian lanjutan yang lebih lama diperlukan untuk bersama-sama dengan masyarakat FELDA terutamanya G2F adalah sangat diperlukan untuk diperhatikan oleh pengkaji agar situasi sebenar yang berlaku dalam kalangan G2F dapat diperhatikan.





Jelas bahawa, kajian sosioekonomi G2F di FRA boleh dikembangkan lagi oleh pengkaji-pengkaji yang mendatang. Batasan-batasan ini juga boleh dikurangkan dengan kajian lanjutan yang lebih mendalam terhadap semua aspek yang melibatkan masyarakat FELDA justeru maklumat yang diperoleh dapat mengemukakan strategi yang boleh melonjakkan paradigma perubahan dalam G2F kepada yang lebih baik.

1.9 Penutup.

Secara keseluruhannya bab ini telah menerangkan tentang konsep kajian yang hendak dilakukan oleh pengkaji. Pengkaji telah menjelaskan pengenalan, permasalahan kajian, Objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, teori dan



kesimpulan. Tumpuan kajian ini adalah kepada proses perkembangan sosioekonomi G2F bagi melihat tahap kemajuan yang telah diperoleh oleh G2F. Selain itu, beberapa perubahan yang berlaku telah dikaitkan kepada pentingnya ekonomi kepada manusia pada zaman sekarang dan perubahan sosioekonomi yang berkaitan dengan FELDA. Hal ini sedemikian kerana, pengkaji ingin melihat perubahan yang berlaku dalam kalangan penduduk FELDA yang terdiri daripada peneroka, generasi kedua dan semua penduduk FELDA terutamanya penduduk FRA.

